NIBM
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan berikut:

| **Bil.** | **Jawatan** | **Kelayakan** |
|---|---|---|
| 1. | Eksekutif Kanan Pengurusan Penyelidikan dan Pengkomersialan<br>(Gred 9 – Jawatan Kontrak)<br>(Pejabat Pengurusan Korporat, NIBM) | Mempunyai kebolehan berikut:<br>1. Membantu Ketua Pegawai Inovasi mengawal, menguruskan dan memantau semua penyelidikan dan pembangunan projek diperingkat korporat;<br>2. Membantu Ketua Pegawai Inovasi dalam bidang pra-pengkomersialan dan pengkomersialan (pindahan teknologi, gabungan perniagaan dan lain-lain tugas yang melibatkan pengkomersialan);<br>3. Membantu serta menyeragamkan pengurusan projek-projek penyelidikan dan pembangunan di Institut; dan<br>4. Lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa oleh Ketua Pegawai Inovasi.<br><br>Kelayakan dan pengalaman:<br>1. Warganegara Malaysia;<br>2. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Sains/Kejuruteraan atau bidang berkaitan yang diiktiraf;<br>3. Mempunyai kemahiran dan pengalaman menguruskan projek R&D serta pemantauan dan pengawalan projek yang berkesan;<br>4. Pernah terlibat secara langsung di dalam bidang pra-pengkomersialan dan pengkomersialan;<br>5. Mempunyai kemahiran di dalam *presentation skills* menggunakan *Microsoft Power Point* serta mampu menganalisa maklumat dengan cekap dan tepat;<br>6. Fasih Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris; dan<br>7. Memiliki sekurang-kurangnya lapan (8) tahun pengalaman dalam bidang penyelidikan atau bidang yang berkaitan dengan R& D. |

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,**
**NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel : 03-8949 5686
Emel :recruitment@nibm.my

Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan: **30 Ogos 2017**